



ثجابت ستياوسها كراجاءن نكري كلتن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Aras 1, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu,
Kelantan.

Tel : 09-748 1957

Pengarah : 09-748 5826

Faks : 09-747 0890

09-747 4152

09-748 2652

E-mel : bpsm@kelantan.gov.my

Laman Sesawang : www.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK. D. 200 (06) SULIT JKP (2) 1/(5)
Bertarikh: 04 Ramadan 1447H bersamaan
22 Februari 2026

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

**Semua Ketua Pengurusan
Badan Berkanun yang berkenaan**

**Semua Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan**

**Semua Ketua Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

YB Dato'/ YBhg. Dato'/Tuan /Puan;

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN BAGI JAWATAN PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N12 KE GRED N13

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengerusi Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Professional Gred 12 Hingga Gred 14 Dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi telah bersetuju untuk mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Tadbir Negeri Gred N13.

3. Sehubungan dengan itu, YB Dato'/ YBhg. Dato'/Tuan /Puan dimohon untuk mengemukakan maklumat pegawai yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Wajaran LNPT sebanyak **85 %** bagi **tiga (3) tahun terkini** (2023, 2024 dan 2025);
- 3.2 Bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.3 Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "



4. Permohonan urusan kenaikan pangkat ini boleh dibuat **menerusi sistem e-kp** iaitu <https://ekp.kelantan.gov.my/>. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat ini, pegawai hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam sistem E-KP sama seperti yang tercatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

5. Permohonan dan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai di bawah seliaan YB Dato' YBhg. Dato'/Tuan /Puan hendaklah dimuat naik kembali dan di hantar **sebelum atau pada 08 Mac 2026**.

6. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab jabatan **untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat**. Jabatan juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh jabatan akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------------------|-----------------------|
| (i) | Encik Muhammad Zuhairi bin Azman | 09-7481957 (ext 2106) |
| (ii) | Cik Nurul Syahirah binti Ibrahim | 09-7481957 (ext 2105) |
| (iii) | Puan Siti Noor Zurainee binti Yahya | 09-7481957 (ext 2149) |

8. Di atas kerjasama pihak YB Dato' YBhg. Dato'/Tuan /Puan, berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD HARIFF BIN GHAZALI)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Merangkap Setiausaha

Jumaah Kenaikan Pangkat

Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan